

1225  
Pendidikan  
Moral  
Peraturan  
Pemarkahan  
2021



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2021**

---

---

**PENDIDIKAN MORAL**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan. Kegunaannya untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat yang terkandung dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

*[Lihat halaman sebelah*

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5 TAHUN 2021**  
**PENDIDIKAN MORAL**  
**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHAGIAN A (SOALAN STRUKTUR)**

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	J1 Gembira/ Bersyukur	1
	H Rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat bersama-sama melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan	1
	H Melibatkan diri program sukarela yang bertujuan untuk membantu dalam pembangunan masyarakat setempat di Malaysia	1
	(Mana-mana jawapan munasabah) <span style="float: right;"><b>1 J + 1H</b></span>	<b>[Mak. 2m]</b>
1(b)	H1 Mewujudkan kerjasama antara kaum	1
	H2 Memupuk perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum	1
	H3 Menghindari diri daripada sebarang perselisihan	1
	H4 Menanam sikap bertolak ansur antara masyarakat	1
	H5 Menghapuskan kawasan pembiakan serangga perosak	1
	H6 Membersihkan kawasan tempat tinggal	1
	H7 Menjaga keselamatan kawasan tempat tinggal daripada jenayah/ penagih dadah/ gejala sosial	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>[Mak. 3 m]</b>
1(c)	H1 Melahirkan masyarakat yang individualistik/ mementingkan diri sendiri	1
	H2 Berlaku perselisihan faham.	1
	H3 Sikap tolak ansur tidak diamalkan dan sedikit salah faham akan menimbulkan pergaduhan	1
	H4 Rakyat tidak bekerjasama dalam membantu dan memberi pertolongan secara percuma	1
	H5 Tidak menghormati orang yang lebih tua	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>[Mak. 3 m]</b>
1(d)	H1 Menjalankan kempen berbudi bahasa/ kempen kesedaran di seluruh Malaysia	1
	H2 Menjatuhkan hukuman dengan adil serta tidak dipengaruhi pangkat dan wang ringgit	1
	H3 Menanam nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di sekolah	1
	H4 Menghapuskan budaya kuning dalam masyarakat	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>[Mak. 2 m]</b>

*[Lihat halaman sebelah]*



Soalan	Butiran	Markah
2(a)	J1 Cara wang dibelanjakan dengan berhemah untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan	1
	J2 Cara wang diuruskan dengan berhemah untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 2m]
(b)	J1 Menjamin masa hadapan yang sejahtera	1
	H1 Amalan menabung dapat dimanfaatkan semasa kecemasan/ persediaan menyambung pelajaran	1
	J2 Mengelakkan pembaziran	1
	H2 Membeli mengikut perancangan/ sikap jimat cermat/ Membeli ikut keperluan	1
	J3 Menjadi rujukan perbelanjaan akan datang	1
	H3 Bantu buat anggaran perbelanjaan / membuat penambahbaikan dalam perbelanjaan pada masa akan datang	1
	J4 Mengelakan diri daripada ditipu .	1
	H4 Menjadikan pengguna yang bijak/ Mengelakkan para pengguna ditipu oleh peniaga yang tidak jujur.	1
	J5 Mengurangkan bebanan hutang .	1
	H5 Membebaskan diri drpd bebanan hutang/ Menghargai wang dan berdisiplin ketika berbelanja/ Mengehadkan penggunaan kad kredit	1
	( mana-mana jawapan munasabah )	[Mak. 4 m]
(c)	i. Kesan jangka pendek	
	H1 Berdepan masalah kewangan	1
	H2 Menanggung beban hutang yang tinggi	1
	H3 Mengalami tekanan perasaan	1
	ii. Kesan jangka panjang	
	H1 Nama disenaraihitamkan	1
	H2 Mengalami kesukaran untuk membuat pinjaman pada masa akan datang.	1
	H3 Imej diri terjejas	1
	( mana-mana jawapan munasabah )	[Mak. 4 m]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	N1 Kejujuran	1
	H1 Pemandu berkenaan melanggar peraturan jalan raya	1
	C1 Saman pemandu berkenaan	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	H2 Menjalankan tugas yang diamanahkan	1
	C2 Menguatkuasakan undang-undang	1
	N3 Kasih sayang	1
	H3 Prihatin terhadap situasi yang dihadapi pemandu	1
	C3 Membenarkan / mengiringinya ke hospital	1
	N4 Kesederhanaan	1
	H4 Bertimbang rasa dengan pemandu berkenaan	1
	C4 Menasihati pemandu agar tidak mengulangi kesalahan	1
	N5 Baik hati	1
	H5 Berperikemanusiaan dalam mengambil tindakan	1
	C5 Mengambil kira keadaan orang tua yang sakit tenat	1
	N6 Rasional	1
	H6 Bertindak wajar mengikut keadaan / situasi	1
	C6 Memberi saman setelah pemandu selesai urusannya di hospital	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 3 m]
(b)	J1 Patut	1
	H1 Bapa sakit tenat	1
	H2 Bapa memerlukan rawatan segera	1
	H3 Bukan sengaja melanggar peraturan jalan raya	1
	(Mana-mana jawapan munasabah) <b>ATAU</b>	[Mak. 4 m]
	J2 Tidak patut	1
	H1 Membahayakan pengguna jalan raya lain	1
	H2 Risiko berlaku kemalangan jalan raya	1
	H3 Telah melanggar peraturan jalan raya	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 4 m]
(c)	H1 Mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan	1
	H2 Menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat	1
	H3 Semua lapisan masyarakat mendapat keprihatinan sewajarnya	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 3 m]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	N1 Kerjasama N2 Kesederhanaan N3 Rasional N4 Bertanggungjawab N5 Hormat N6 Berterima kasih N7 Kasih sayang	1 1 1 1 1 1 1
		[Mak. 3 m]
(b)	<b>i Ekonomi</b> H1 Meningkatkan pendapatan negara H2 Mempelbagaikan sumber ekonomi H3 Membuka peluang pekerjaan H4 Meningkatkan industri pelancongan H5 Meningkatkan hubungan perdagangan (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1
		[Mak. 2 m]
	<b>ii Keselamatan</b> H1 Membina hubungan dunia yang selamat H2 Membanteras jenayah antarabangsa H3 Membendung anasir pengganas H4 Menjamin keamanan negara H5 Memelihara dan mempromosikan hak asasi manusia (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1
		[Mak. 2 m]
(c)	H1 Menyelesaikan pertikaian secara rundingan H2 Boleh mengelakkan peperangan H3 Meningkatkan imej negara H4 Negara kita akan dihormati H5 Dapat mencapai kata sepakat H6 Mengekalkan hubungan baik antara negara H7 Menyelesaikan pertikaian dengan merujuk kepada mahkamah keadilan antarabangsa (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1
		[Mak. 3 m]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan	Butiran	Markah
5 (a)	H1 Mengekalkan jati diri walaupun bersaing di peringkat global H2 Mengharumkan nama di peringkat negara dan antarabangsa H3 Menjadi sumber inspirasi kepada orang lain pada peringkat lokal dan global H4 Sentiasa berfikir positif dan optimis H5 Menjaga nama baik negara ketika berada di luar negara (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
(b)	H1 Mewakili negara dan memenangi pertandingan reka cipta / inovasi di peringkat dunia H2 Mempromosikan destinasi pelancongan negara ke seluruh dunia melalui media sosial H3 Melibatkan diri dalam persembahan / pameran keunikan budaya Malaysia di luar negara H4 Melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di luar negara H5 Menguasai pelbagai bahasa asing (Mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
(c)	N Patriotisme / Kerajinan / Berdikari / Keberanian / Hemah tinggi H1 Kerajaan harus melaksanakan program khidmat negara H2 Badan bukan kerajaan (NGO) menganjurkan kempen kesedaran H3 Pihak berkuasa menyiarkan rancangan bertemakan semangat patriotik / perpaduan H4 Meningkatkan tahap pemikiran masyarakat melalui pendidikan H5 Pembelajaran melalui Pendidikan Moral/ Sivik/ Agama (Mana-mana jawapan munasabah)	1 [Mak. 1 m] 1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
	<b>Jumlah</b>	<b>[4 m]</b>

[Lihat halaman sebelah



**BAHAGIAN B (SOALAN ESEI)**

Soalan	Butiran	Markah
6	N1 Kejujuran	1
	N2 Harga diri	1
	N3 Bertanggungjawab	1
	N4 Rasional	1
	N5 Kerjasama	1
		<b>[Mak. 3 m]</b>
	H1 Menjalankan kempen "Anti Rasuah"	1
	H2 Mengadakan ceramah kesedaran tentang kepentingan integriti	1
	H3 Bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1
	H4 Hukuman / denda yang berat ke atas pekerja yang disabitkan dengan kesalahan rasuah	1
	H5 Menetapkan etika / peraturan dalam organisasi	1
	H6 Majikan / Ketua Jabatan menunjukkan contoh yang baik	1
	H7 Mewajibkan semua pekerja untuk mengisytiharkan harta	1
	H8 Menetapkan garis panduan memberi / menerima hadiah	1
	H9 Membayar gaji yang setara dengan kelulusan pekerja	1
	H10 Menandatangani Borang Aku Janji/ Surat Aku Janji	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>[Mak. 7 m]</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>[10 m]</b>
<b>Nota:</b> 1 N + 9 H 2 N + 8 H 3 N + 7 H 0 N + 9 H <b>Max 9</b>		

[Lihat halaman sebelah]

Soalan	Butiran	Markah
7	N1 Kasih sayang	1
	N2 Hormat	1
	N3 Toleransi	1
	N4 Kerjasama	1
	N5 Harga diri	1
	N6 Bertanggungjawab	1
	N7 Rasional	1
	N8 Hemah Tinggi	1
		<b>[Mak. 3 m]</b>
	H1 Melahirkan keluarga yang bahagia / harmoni	1
	H2 Meningkatkan imej / nama baik keluarga	1
	H3 Mengeratkan hubungan dalam kalangan anggota keluarga	1
	H4 Anggota keluarga akan saling hormat-menghormati	1
	H5 Anggota keluarga akan menunaikan kewajipan masing-masing	1
	H6 Kerahsiaan dalam keluarga akan terjaga	1
	H7 Keperluan / kebajikan anggota keluarga terpelihara	1
	H8 Sebarang urusan / masalah dalam keluarga ditangani dengan adil	1
	H9 Anggota keluarga mendapat didikan agama / moral yang baik	1
	H10 Masalah keluarga dapat diselesaikan tanpa pilih kasih	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>[Mak. 7 m]</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>[10 m]</b>
	<b>Nota:</b>	
	1 N + 9 H	
	2 N + 8 H	
	3 N + 7 H	
	0 N + 9 H <b>Max 9</b>	

[Lihat halaman sebelah]



Soalan	Butiran	Markah
8 (a)	N1 Rasional	1
	N2 Patriotisme	1
	N3 Toleransi	1
	N4 Kerjasama	1
	N5 Bertanggungjawab	1
	N6 Hormat	1
	H7 Kasih sayang	1
	<b>Max (3 m)</b>	
	H1 Menjalinkan persahabatan dengan rakan pelbagai kaum.	1
	H2 Menerima dan menghormati budaya kaum lain.	1
	H3 Memahami budaya kaum lain dengan mendalam.	1
	H4 Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.	1
	H5 Membantu mangsa yang ditimpa musibah tanpa mengira kaum.	1
	H6 Tidak mudah mempercayai isu sensitif yang disebarkan melalui media sosial.	1
	H7 Dapat mewujudkan komunikasi yang baik dalam kalangan masyarakat	1
	H8 Imej diri meningkat	1
	( mana-mana jawapan munasabah )	<b>Max(7 m)</b>
(b)	H1 Keharmonian dalam kalangan anggota masyarakat akan terjaga.	1
	H2 Mengukuhkan jati diri	1
	H3 Keamanan negara terjamin	1
	H4 Imej negara meningkat	1
	H5 Ekonomi negara akan stabil dan negara dapat membangun dalam pelbagai bidang.	1
	H6 Keyakinan pelabur asing meningkat	1
	H7 Sektor pelancongan negara akan berkembang maju	1
	H8 Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
	H9 Pendapatan negara akan meningkat	1
	H10 Rakyat dapat menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan.	1
	H11 Bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti akan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat	1
	H12 Akan lebih menghormati apabila dapat mengenali budaya dan amalan kaum lain.	1
	( mana-mana jawapan munasabah )	<b>Max(10 m)</b>
	<b>Nota:</b>	
	1 N + 9 H	
	2 N + 8 H	
	3 N + 7 H	
	0 N + 9 H <b>Max 9</b>	

[Lihat halaman sebelah]

<i>Soalan</i>	<i>Butiran</i>	<i>Markah</i>
9 (a)	N1 Rasional	1
	N2 Keberanian	1
	N3 Harga diri	1
	N4 Kerjasama	1
	N5 Bertanggungjawab	1
		<b>Max 3m</b>
	H1 Buat laporan kepada pihak polis	1m
	H2 Tidak harus rasa panik	1m
	H3 Jangan sesekali ikut arahan daripada mereka	1m
	H4 Memutuskan talian sekiranya scammer meminta wang atau maklumat peribadi.	1m
	H5 Elakkan dari menelefon semula nombor telefon yang kita terima semula	1m
	H6 Menghubungi nombor organisasi/ bank yang berkaitan	1m
	H7 Tidak sepatutnya mendedahkan sebarang maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, no akaun bank, nombor pin, kad kredit .	1 m
	H8 Kita harus mengambil serius mengenai perkara ini agar bersama-sama membasmi jenayah penipuan scammer.	1 m
	H9 Laporkan terus mengenai sindiket penipuan ini kepada pihak berkuasa agar pihak yang terlibat dapat ditangkap	1 m
	H10 Sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak tertentu.	1 m
	H11 Layari portal rasmi Bank Negara Malaysia untuk mendapat nasihat terkini berhubung penipuan kewangan seumpamanya.	1 m
	H12 Semua perlu bekerjasama mengatasi kegiatan sindiket Macau Scam.	1 m
	H13 Kita tidak harus terpengaruh dengan aktiviti seperti ini.	1 m
	H14 Ia membabitkan maruah dan boleh menjejaskan kehidupan di masa depan.	1m
	H15 Memohon mendapatkan perkhidmatan psikiatri jika menghadapi kemurungan kerana menjadi mangsa penipuan.	1m
	H16 Segera memaklumkan perkara tersebut kepada ibu bapa	
	( mana-mana jawapan munasabah )	<b>Jumlah Max 7m</b>
	<b>Nota:</b>	
	1 N + 9 H	( 10 m)
	2 N + 8 H	
	3 N + 7 H	
	0 N + 9 H <b>Max 9</b>	

[Lihat halaman sebelah

SULIT



<i>Soalan</i>	<i>Butiran</i>	<i>Markah</i>
9 (b)	H1 Dapat meningkatkan kualiti pendidikan	1
	H2 Mengubah cara pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berinovasi	1
	H3 Mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian	1
	H4 Perkhidmatan yang lebih mesra pengguna	1
	H5 Pengguna tidak perlu bersesak-sesak di kaunter.	1
	H6 Meningkatkan hubungan sosial	1
	H7 Memudahkan komunikasi secara maya dengan sesiapa sahaja di dunia	1
	H8 Menjana ekonomi	1
	H9 Menyediakan peluang perniagaan dan perkhidmatan	1
	H10 Barangan atau perkhidmatan dapat dipromosikan dengan meluas.	1
	H11 Penjualan dan pembelian dibuat secara dalam talian	1
	H12 Pelbagai maklumat terkini dapat diperoleh dengan mudah.	1
	H13 Kerja pembelajaran dan penyelidikan dapat dibuat dengan lebih sistematik	1
	H14 Pelbagai kos seperti panggilan telefon dan pengangkutan dapat dijimatkan	1
	H15 Perbincangan atau mesyuarat dapat diadakan melalui telesidang/ Zoom/ google meet/Teams/ Webinar	1
	H16 Sesi pengajaran dan pembelajaran masih dapat dijalankan pada masa pandemik Covid 19 melalui google meet	1
	( mana-mana jawapan munasabah )	<b>Max 10m</b>

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT